

Rumah tradisi dengan anak tangga ganjil lambang adab disanjung dalam kehidupan

Falsafah Islam dalam seni bina Melayu

Oleh Siti Haliza Yusop

bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kediaman masyarakat Melayu tradisional tidak hanya menjadi asas bagi menampilkan kesopanan serta keindahan adat dalam seni hias Melayu malah dalam masa sama turut membawa nilai Islam dalam pembinaannya.

Profesor Adjung Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Siti Zainon Ismail, berkata bilangan anak tangga di kediaman masyarakat Melayu dahulu misalnya, dibuat dalam angka ganjil.

Siti Zainon yang juga pengkaji seni budaya Melayu, penyair serta pelukis, menegaskan bilangan anak tangga dalam nombor ganjil itu membolehkan seseorang memulakan langkah menaiki tangga

ketika belajar mengaji dengan penjaga Makam Diraja Langgar, Kota Bharu yang dipanggil Ayah Haji.

“Saya baru berusia tujuh tahun pada ketika itu dan ke wakaf di Makam Diraja Langgar setiap hari bersama rakan-rakan lain yang juga dari luar Kuala Lumpur untuk mengaji.

“Orang lain mungkin takut masuk ke kawasan perkuburan tetapi saya pula kagum melihat ukiran bunga yang terdapat di situ,” katanya.

Menurut Siti Zainon, seni hias tidak terhad kepada kediaman tradisional masyarakat Melayu saja, sebaliknya pelbagai termasuk meliputi lambang bilangan dan ukuran serta konsep lambang bilangan baju Melayu lima persalinan.

“Ia bukan berkait dengan kecantikan sesuatu reka bentuk, sebaliknya membabitkan kesedaran masyarakat Melayu kepada konsep keindahan.

“Seni hias bukan untuk tampil ‘memperagakan diri’ tetapi berkait dengan soal adab dalam hiasan



berserban selain membentangi sejadah sebagai menghormati agama.

“Selepas selesai solat, persalinan dirajanya dan destar disarungkan semula sebelum diarak pulang. Peristiwa ini menunjukkan bagaimana budaya tradisi Melayu itu dihormati hinggakan apabila ke masjid, Ba-

kajian dibuat mengenai penggunaan seni hias dalam konteks bahasa terutamanya melalui pembinaan struktur teks ucapan politik bertujuan membuat teguran dengan beradab.

Dengan seni hias katanya, elemen sindiran boleh disuntik menggunakan peribahasa dan pantun bagi mem-



Dr Siti Zainon

Bilangan anak tangga di kediaman masyarakat Melayu dahulu misalnya, dibuat dalam angka ganjil.

serta menyudahkan anak tangga terakhir dengan kaki kanan, sesuai adab dalam Islam.

“Dalam membina kediaman selepas (kedatangan) Islam, inilah dikatakan adab berdasarkan adat yang dimurnikan dengan adab itu sendiri.

“Lafazkan bismillah dan mulakan langkah dengan kaki kanan. Jika ada lima anak tangga ketika menaiki tangga, anda akan memasuki rumah dengan kaki kanan juga dan ini antara rahsia yang tidak tercatat.

“Ia sudah diceritakan nenek ketika saya masih kecil dan kemudian saya minta kesahihan daripada Prof Ali Hasjmy yang juga ulama besar Aceh dan menurutnya (jumlah anak tangga itu sebagai perlambangan) rukun Islam.

“Lima rukun Islam itu mengingatkan hamba-Nya akan wajib lima perkara dan penting untuk tidak mengabaikannya,” katanya pada Webinar Bicara Ilmu: Lambang Bilangan dan Adab dalam Adat Seni Hias Melayu, baru-baru ini.

Webinar anjuran Muzium Warisan Melayu, Jabatan Bahasa Melayu, FBMK UPM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Pusat Kecemerlangan Komunikasi, Media dan Industri Kreatif (CMCI) UPM itu dikendalikan Pensyarah Kanan FBMK, Prof Madya Dr Norazlina Mohd Kiram.

Hiasan makam

Menurut Siti Zainon, keberadaannya di Kelantan yang disifatkannya sebagai satu wilayah budaya, membolehkan beliau melihat unsur budaya dan seni hias yang menggerakkan mindanya.

Berkesempatan berada di Kelantan selama tiga tahun, Siti Zainon ‘menegenali’ objek seni kaligrafi pertamanya

di mana estetika padanya mengandungi adab iaitu kesantunan, moral serta menghormati khasnya dalam adab Islam serta budi bahasa yang merujuk kepada tatatertib,” katanya.

Tambah Siti Zainon, selain kediaman tradisi masyarakat Melayu, adab dan adat seni hias Melayu yang selaras dengan nilai Islam turut boleh dilihat dalam aspek berpakaian.

Sebelum kedatangan Islam, pakaian dikenakan masyarakat Melayu hanya berukuran dua hasta sahaja tetapi selepas itu, ia dilabuhkan bagi memastikannya menutup aurat.

Malah dalam satu kejadian kata Siti Zainon, Sultan Mahmud berangkat ke masjid untuk solat Subuh dan baginda menukar persalinan Dirajanya dengan baju labuh dan

ginda menukar serta menyurangkan pakaian longgar,” katanya.

Peribadi bangsa

Tambah Siti Zainon ketika dihubungi, *Hikayat Hang Tuah* turut memerikan mengenai keberangkatan sultan ke masjid untuk sembahyang Tarawikh dengan memakai pakaian cara Melayu serta bertengkolok.

“Selepas selesai sembahyang Tarawikh, raja pun berangkat kembali dan esok paginya barulah serbannya diarak ke masjid sebagai tanda baginda beragama Islam dan memuliakan agama Islam”, katanya.

Sementara itu, Norazlina menyarankan supaya lebih banyak

peribadi bangsa yang dibuat masih lagi menjaga adab.

Adat dan adab katanya, mencerminkan peribadi masyarakat Melayu daripada aspek kesantunan, kehalusan, kelembutan serta kebijaksanaan dalam menterjemah kehidupan.

“Adat adalah sebahagian budaya tetapi pada masa sama, dalam mengalmkannya jangan lupa ia juga perlu mempunyai nilai adab kerana secara tidak langsung turut mencerminkan peribadi bangsa.

“Jangan mengangkat adat sehingga adab diketepikan. Masyarakat Melayu sangat akrab dengan alam yang mana perlambangan diberikan secara tidak langsung menunjukkan kita akur atau kembali kepada Yang Esa dalam kehidupan,” katanya.

Kediaman masyarakat Melayu tradisional.

